

Rujukan: UKM.KPD.ODL.500-4/2/2
Tarikh: 12 Februari 2024

Semua Pelajar ODL

Semester 2 Sesi Akademik 2023-2024

Tuan/Puan

PENGESAHAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2023-2024 (JANUARI 2024)

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Minggu **Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir** bagi Program *Open & Distance Learning* (ODL) Semester 2 Sesi Akademik 2023-2024 adalah bermula pada **8 April 2024 hingga 14 April 2024**. Kaedah pelaksanaan pentaksiran bagi setiap kursus akan dimaklumkan oleh pensyarah kursus masing-masing.

Sehubungan itu, Tuan/Puan dikehendaki membuat pengesahan kursus bagi Semester 2 Sesi Akademik 2023-2024 melalui **SMPE** mulai **4 Mac 2024 hingga 10 Mac 2024 (Minggu ke – 9)**. Sila tekan butang **SAH** sekiranya senarai kursus yang telah didaftarkan di SMPE adalah betul.

Sekiranya, Tuan/Puan tidak membuat pengesahan atau pembedulan terhadap maklumat kursus, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Butiran ini akan digunapakai bagi proses persediaan peperiksaan/penilaian akan datang.

Pelajar yang gagal membuat pengesahan kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan akan dikenakan denda sebanyak **RM50.00**. Oleh itu, Tuan/Puan dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan penilaian kursus yang didaftarkan pada semester ini berjalan dengan lancar.

Sekian, Terima Kasih.

Ardilla

ARDILLA MUHAMMAD ASRI

Penolong Pendaftar

Bahagian Perkembangan dan Pembangunan Program ODL (Bahagian ODL)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PEMBENTUKAN PENDIDIKAN LANJUTAN & PROFESIONAL (UKMSHAPE)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel: +603-8927 2120 E-mel: odl@ukm.edu.my Web: www.ukmodl.com